

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PEJABAT BENDAHARI**

---

UTHM.PB/100.6/4 Jld. 3 (6)

22 Mei 2017

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 /2017**

Semua Pengurus Bahagian  
*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**PENGENAAN CAJ BAGI AKTIVITI PENGUJIAN OLEH PELAJAR DI PUSAT - PUSAT KECEMERLANGAN UTHM SERTA CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA AKTIVITI PENGUJIAN OLEH PELAJAR UTHM**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan pengenaan caj bagi aktiviti pengujian oleh pelajar di Pusat-Pusat Kecemerlangan UTHM serta penambahbaikan proses kerja aktiviti pengujian oleh pelajar UTHM.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) merupakan pusat yang bertanggungjawab dalam menguruskan dan menyelaras segala bentuk aktiviti yang berkaitan penyelidikan, inovasi, pengkomersilan, perundingan dan pengujian di kalangan penyelidik dan juga pelajar universiti.
- 2.2 Dasar pengujian yang sedia ada hanya melibatkan pihak luar dan bayaran dikenakan bagi setiap projek pengujian yang dilakukan.

- 2.3 Walau bagaimanapun, beberapa proses kerja perlu disediakan dalam pelaksanaan urusan yang berkaitan aktiviti-aktiviti pengujian yang dilakukan oleh pelajar universiti, mengambilkira keperluan dan situasi semasa.
- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1/2017 yang bersidang pada 14 Februari 2017 telah bersetuju dengan cadangan pengenaan caj bagi aktiviti pengujian oleh pelajar di Pusat-Pusat Kecemerlangan UTHM serta penambahbaikan proses kerja aktiviti pengujian oleh pelajar UTHM.

### **3.0 KADAR CAJ BAGI AKTIVITI PENGUJIAN PELAJAR**

- 4.1 Kadar caj pengujian yang dikenakan kepada pelajar adalah sebanyak **RM10.00** bagi setiap sampel.
- 4.2 Caj yang dikenakan oleh pelajar boleh bersumberkan dengan;
- 4.2.1 Peruntukan mengurus Universiti seperti mana dinyatakan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 3/2016 Garis Panduan dan Kadar Pembiayaan Projek Pelajar UTHM seperti di **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1**

**Kadar Pembiayaan Projek Pelajar UTHM**

BIL.	KATEGORI PROJEK	KADAR PELAJAR (RM)	SUMBER
1.	Projek Akhir Diploma (PDip)	≤ 100.00	Peruntukan Mengurus / Tabung
2.	Projek Sarjana Muda (PSM)	≤ 300.00	Peruntukan Mengurus / Tabung
3.	Projek Sarjana <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja Kursus / MOD Campuran</li> <li>• Penyelidikan</li> </ul>	≤ 500.00 ≤ 750.00	Tabung dari yuran pelajar.
4.	Projek Doktor Falsafah	≤ 1000.00	Tabung dari yuran pelajar

4.2.2 Sekiranya peruntukan yang diagihkan kepada pelajar melalui pembimbing projek pelajar telah habis digunakan, pelajar perlu membayar caj pengujian sendiri.

#### **4.0 PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PENGUJIAN OLEH PELAJAR**

4.1 Semua permohonan menjalankan aktiviti pengujian oleh pelajar UTHM hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Projek Pelajar Diploma/Sarjana Muda / Sarjana / PHD Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (BEN/UPY/018.Pin.1) yang disediakan oleh Pejabat Bendahari.

4.2 Pelaksanaan aktiviti pengujian dalaman ini melibatkan DUA (2) kaedah:

a) Menggunakan Peruntukan Geran Penyelia

b) Menggunakan Peruntukan Projek Pelajar (Tanpa Geran)

4.2.1 Pelaksanaan Aktiviti Pengujian Oleh Pelajar Menggunakan Geran Penyelia Bagi Projek Diploma/ Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah

4.2.1.1 Borang permohonan aktiviti pengujian yang lengkap hendaklah disemak dan disahkan oleh Penyelia. Permohonan yang lengkap kemudiannya dihantar ke Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) untuk semakan dan kelulusan.

4.2.1.2 Borang permohonan pengujian yang telah diluluskan oleh ICC akan dikembalikan kepada pelajar untuk dihantar ke Pusat Kecemerlangan (CoE) yang berkenaan bagi membolehkan aktiviti pengujian dilaksanakan.

- 4.2.1.3 Setelah pengujian dilaksanakan di makmal, CoE akan menyediakan Laporan Pengujian dan menyerahkan laporan tersebut kepada pemohon.
- 4.2.1.4 Makmal CoE akan menghantar senarai permohonan, laporan pengujian dan Borang Tuntutan Projek Pelajar Diploma/ Sarjana Muda/ Sarjana/ PHD UTHM (BEN/UPY/018.Pin.1) ke ICC.
- 4.2.1.5 ICC akan menyediakan dan menghantar Ringkasan Senarai Permohonan Pengujian dan dokumen sokongan ke Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK), ORICC untuk semakan dan pengesahan. Selepas disahkan, BPK akan mengeluarkan surat arahan kepada Pejabat Bendahari untuk menjurnalkan bayaran dari peruntukan geran ke Tabung CoE.
- 4.2.1.6 Caj pengujian yang dikenakan adalah sebanyak 10% daripada kadar yang dikenakan oleh makmal kepada klien luar Universiti.
- 4.2.1.7 Proses kerja aktiviti pengujian adalah seperti dalam Carta Alir Pelaksanaan Aktiviti Pengujian Oleh Pelajar Menggunakan Geran Penyelia di Pusat-Pusat Kecemerlangan UTHM seperti di **Lampiran 1**.
- 4.2.2 Pelaksanaan Aktiviti Pengujian Oleh Pelajar Menggunakan Peruntukan Projek Pelajar Bagi Projek Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah
- 4.2.2.1 Borang permohonan aktiviti pengujian yang lengkap hendaklah disemak dan disahkan oleh Penyelia.

- 4.2.2.2 Bagi pelajar Diploma dan Sarjana Muda borang permohonan melaksanakan pengujian hendaklah dihantar ke Fakulti atau Pusat Pengajian Diploma (PPD), manakala bagi pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah borang permohonan hendaklah dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah (PS) untuk semakan dan kelulusan.
- 4.2.2.3 Borang permohonan pengujian yang telah diluluskan oleh Fakulti, PPD atau PS akan dikembalikan kepada pelajar untuk dihantar ke Pusat Kecemerlangan (CoE) yang berkenaan bagi membolehkan aktiviti pengujian dilaksanakan.
- 4.2.2.4 Setelah pengujian dilaksanakan di makmal, CoE akan menyediakan Laporan Pengujian dan menyerahkan laporan tersebut kepada pemohon.
- 4.2.2.5 Makmal Pusat Kecemerlangan (CoE) akan menghantar senarai permohonan, laporan pengujian dan Borang Tuntutan Projek Pelajar Diploma/ Sarjana Muda/ Sarjana/ PHD UTHM (BEN/UPY/018.Pin.1) ke Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC).
- 4.2.2.6 ICC akan menyediakan dan menghantar Ringkasan Senarai Permohonan Pengujian dan dokumen sokongan ke Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK), ORICC untuk semakan dan pengesahan. Selepas disahkan, BPK akan mengeluarkan surat arahan kepada Pejabat Bendahari untuk menjurnalkan bayaran dari Fakulti/ PPD/ PS ke Tabung CoE.
- 4.2.2.7 Caj pengujian yang dikenakan adalah sebanyak RM10.00 bagi setiap sampel.

4.2.2.8 Proses kerja aktiviti pengujian adalah seperti dalam Carta Alir Pelaksanaan Aktiviti Pengujian Oleh Pelajar Menggunakan Peruntukan Projek Pelajar di Pusat-Pusat Kecemerlangan UTHM seperti di **Lampiran 2**.


## 5.0 KUAT KUASA PEKELILING

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa untuk aktiviti pengujian oleh pelajar di Pusat - Pusat Kecemerlangan UTHM mulai 01 Februari 2017.

Sekian, terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

Yang benar,




**AZIZAH BINTI NASRI**

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k - Y.Bhg. Naib Canselor
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Ketua Unit Audit Dalam

**CARTA ALIR**  
**PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUJIAN OLEH PELAJAR MENGGUNAKAN GERAN PENYELIA  
DI PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN UTHM**



**CARTA ALIR**  
**PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUJIAN OLEH PELAJAR MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PROJEK PELAJAR  
DI PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN UTHM**

